

perancangan bendung bencana

AMRIZAN MADIAN

KUCHING, Ahad — Perancangan rapi merangkumi aspek pendidikan, latihan, kajian dan pembangunan pengurusan bencana perlü dilakukan untuk mencegah berlakunya bencana alam yang boleh menjelaskan kehidupan manusia sejagat.

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Datuk Amar Haji Abdul Aziz Husain berkata, pengajaran boleh diambil daripada negara Industri seperti Jepun yang sebelum ini dikenali sebagai sebuah negara yang tercemar akibat perkembangan industri, kini menjadi sebuah negara paling berjaya dalam membendung masalah pencemaran dan bencana alam.

Jelasnya, bencana berpunca daripada beberapa sebab iaitu salah satu daripadanya adalah kesan daripada aktiviti manusia itu sendiri.

"Selain itu, ada juga bencana alam yang berpunca daripada fenomena semula jadi seperti letusan gunung berapi, gempa bumi, tidal waves (benak) dan banyak lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa: Pengurusan Bencana Ketiga anjuran Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) yang bertema;



SAIFUL RAHMAN SABRI

RASMI... Datuk Amar Haji Abdul Aziz Husain memukul gong sebagai tanda perasmian Persidangan Antarabangsa Pengurusan Bencana Ketiga anjuran Unimas di Kuching semalam. Turut kelihatan ialah Dr Yusof Hadji.

"Memperkuat Kebolehupayaan Keselamatan Negara" di sebuah hotel terkemuka di sini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Naib Canselor Unimas, Dr Yusof Hadi.

Persidangan antara-
bangsa pertama dan ke-
dua pengurusan bencana

telah diadakan di Langkawi (2000) dan Surabaya (2001).

Abdul Aziz berkata, di beberapa negara membangun, pembangunan penting untuk mengembangkan ekonomi negara masing-masing.

Namun, katanya, dalam keghairahan untuk me-

ngejar pembangunan, penjagaan alam sekitar tetap diutamakan walaupun masih terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab tidak mematuhi undang-undang.

Menurut beliau, bencana alam juga boleh berlaku sekiranya tidak ada perancangan yang teliti

dibuat terhadap sesuatu proyek pembangunan.

"Kita memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti kerajaan, universiti, institusi latihan, sektor korporat dan masyarakat untuk memastikan kehidupan manusia di muka bumi ini," katanya.